

MINGGUAN: Bagaimana Prof. melihat keadaan ekonomi negara sekarang?

PROF. MOHAMED ARIFF: Kita perlu mengaitkannya dengan situasi semasa dunia. Jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi serantau, pada tahun lepas (2006) negara kita menunjukkan pencapaian cukup baik. Ramalan pada bulan Disember lalu bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka berada pada tahap 5.2 peratus. Tetapi, sekarang terdapat banyak petunjuk yang membayangkan keadaan ekonomi negara akan bertambah baik.

Apakah faktor yang menjadi pertumbuhan positif itu?

PROF. MOHAMED ARIFF: Ia dipengaruhi oleh faktor kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) sendiri, kejatuhan harga minyak mentah dunia dan situasi di Thailand apabila polisi-polisi ekonomi mereka 'memakan diri sendiri' sehingga menyebabkan banyak pelabur asing beralih ke negara-negara lain, dan Malaysia adalah antara negara yang mendapat faedah daripada pelarian pelabur itu. Berdasarkan itu, MIER berpendapat pertumbuhan ekonomi negara akan lebih baik berbanding jangkaan awal. Kami, bagaimanapun belum bercadang membuat semakan tentang kadar pertumbuhan sebenar ekonomi negara bagi tahun ini yang pasti angka pertumbuhannya lebih tinggi.

Jadi, berapakah kadar pertumbuhan yang lebih realistik?

PROF. MOHAMED ARIFF: Kita belum tahu lagi. Kajian semula (kadar pertumbuhan) hanya akan dilakukan bulan Mac ini. Selain itu, alasan lain kita menjangkakan ekonomi negara akan menjadi bertambah baik adalah faktor bahawa projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah mula dilaksanakan. Kita juga percaya sistem penyampaian lebih berkesan menerusi beberapa mekanisme yang diperkenalkan kerajaan, akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Kita juga menjangkakan dengan iklim ekonomi yang memberangsangkan, kadar pertumbuhan ekonomi negara mampu sekurang-kurangnya berada pada paras di atas 5.5 peratus.

Apakah asas-asas ekonomi negara yang dilihat sedang berkembang itu?

PROF. MOHAMED ARIFF: Kalau kita meneliti dasar (fundamental) ekonomi, semuanya berada dalam situasi yang menggalakkan. Misalnya, tahap kepenggunaan, statistik perdagangan dan pertambahan peluang pekerjaan, semua ini menunjukkan perkembangan yang positif.

Baru-baru ini, kita mencapai jumlah perdagangan tertinggi melebihi RM1 trilion bagi tahun 2006. Di samping itu, menjelang 2020, MIER menjangkakan jumlah dagangan negara akan meningkat kepada RM2.64 trilion. Ini sudah tentu merupakan suatu lagi rekod pencapaian baru. Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati dan lebih teliti dalam memastikan angka-angka ini harus bersifat lebih realistik. Mungkin ada pengiraan berulang atau pertindihan angka, kerana kita sebenarnya bukan sahaja perlu melihat kepada jumlah eksport, tetapi juga nilai sebenar import. Kita tidak boleh merasa terlalu selesa dengan angka-angka yang besar.

Kenapa kita tidak boleh merasa selesa?

PROF. MOHAMED ARIFF: Kita perlu bersedia jika sesuatu berlaku kepada ekonomi kita kerana keadaan itu sudah tentu akan menjejaskan matlamat kita. Kita tidak harus terlalu bergantung kepada angka-angka ini kerana kebanyakan aktiviti eksport negara dijalankan oleh syarikat-syarikat multinasional. Syarikat tempatan tidak banyak terlibat secara langsung dalam aktiviti eksport. Penglibatan syarikat tempatan hanya secara tidak langsung seperti membekalkan peralatan atau komponen-komponen tertentu dan berkaitan produk-produk pertengahan kepada syarikat-syarikat multinasional.

Sebagai contoh, industri kecil dan sederhana (IKS) negara kurang terlibat secara langsung dalam eksport. Aktiviti eksport kita kebanyakannya didominasi oleh syarikat-syarikat multinasional. Saya fikir IKS kita mungkin perlu bergabung supaya berupaya menjadi pemain yang berkesan di peringkat global. Sekarang IKS kita belum mencapai tahap itu lagi, bagaimanapun kita tidak harus berhenti berusaha menjayakan matlamat itu. Keupayaan ini penting kerana IKS perlu menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malah matlamat Wawasan 2020 tidak mungkin boleh direalisasikan jika IKS masih belum mampu untuk bergerak ke peringkat global.

Pelabur Amanah Saham Bumiputera menerima dividen sekitar 8.55 seunit manakala Tabung Haji mengumumkan bonus 4.75 peratus bagi 2006. Pencarai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pula meraih dividen setinggi 5.15 peratus bagi 2006, apakah makna semua angka-angka ini kepada ekonomi negara?

PROF. MOHAMED ARIFF: Pengumuman kadar dividen-dividen itu membuktikan momentum ekonomi negara kini berada pada tahap yang kukuh dan lebih baik berbanding sebelum ini. Pemberian dividen yang boleh dikatakan tinggi oleh ketiga-tiga agensi milik kerajaan itu, sekali gus mencerminkan prestasi pasaran modal tempatan yang kembali mengukuhkan kedudukannya.

Ia juga mencerminkan bahawa pasaran modal kita mampu memberi pulangan pelaburan yang baik kepada pelabur domestik khususnya bumiputera.

Pada pandangan Prof. apakah petunjuk-pe-



"Ekonomi kita mantap"

Mukadimah

UM - 18/2/2007

KEDUDUKAN ekonomi semasa Malaysia dijangka terus kukuh. Bermula dengan kenaikan nilai ringgit sejak awal tahun ini, negara menyaksikan pula bursa sahamnya melepasi paras tertinggi 1,200 mata dalam 10 tahun sejak tahun 1997, selain itu mencatat rekod tertinggi dari segi jumlah pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik pada tahun lalu.

Namun begitu, banyak pihak masih meragui fakta-fakta ini dan menyifatkannya sebagai manipulasi semata-mata kerana faedah daripada kesan itu masih tidak dirasai.

"Angka-angka itu semuanya adalah benar, ia bukan palsu, sebaliknya ia adalah realiti tentang pertumbuhan sebenar ekonomi negara," kata Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Dr. Mohamed Ariff Abdul Kareem ketika memberikan pandangannya mengenai kedudukan ekonomi negara.

Beliau berpendapat pertumbuhan ekonomi negara yang sederhana yang turut dialami negara-negara lain sejak tahun lepas, dijangka akan melambung pada tahun depan. Momentum yang berada di tahap yang kukuh itu terbukti dengan pengumuman dividen yang tinggi oleh Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga dana amanah milik Permodalan Nasional Berhad.

"Berbanding negara-negara lain selepas krisis, ekonomi kita telah kembali pulih dan mampu mencatat pertumbuhan antara lima hingga enam peratus, sedangkan jumlah itu masih di bawah prestasi sebenar kemampuan yang kita boleh capai," kata beliau.

Prof. Dr. Mohamed Ariff juga tidak menjangkakan berlakunya krisis ekonomi dalam jangka masa terdekat tetapi mengingatkan ia masih boleh berlaku dan negara harus dipastikan supaya bersedia menghadapi dan mampu mengatasinya.

Menurut beliau, Malaysia berada di kedudukan yang lebih baik untuk menangani krisis yang seterusnya.

Isu kemasukan 'wang panas' atau wang spekulasi dan perjanjian perdagangan bebas (FTA) merupakan antara isu yang menjadi cabaran negara dalam jangka masa terdekat. Malaysia perlu memastikan isu-isu itu ditangani secara lebih berhati-hati supaya tidak terperangkap.

Ikutlah temu bual wartawan *Mingguan Malaysia* MUSTAFA KAMAL BASRI, SITI MARIAM MD. ZAIN, AMRAN AHMAD, HISYAMUDDIN AYUB dan jurugambar SHAIFUDIN MOHD. NOR dengan beliau.

PROF. EMERITUS DR. MOHAMED ARIFF ABDUL KAREEM

tunjuk ekonomi ini berpunca daripada dasar-dasar yang berkesan atau adakah ia kerana faktor ekonomi semata-mata?

PROF. MOHAMED ARIFF: Saya memang kritikal berhubung polisi-polisi yang dilaksanakan sebelum berlakunya krisis kewangan pada tahun 1998. Malahan, krisis kewangan pada tahun 1998 adalah disebabkan oleh faktor dalaman. Kerajaan tidak boleh menyalahkan penyangak mata wang atau faktor luar sepenuhnya kerana berlakunya krisis itu.

Krisis itu berlaku kerana kelemahan dasar-dasar yang dilaksanakan sehingga memberi ruang kepada penyangak mata wang untuk menyerang ekonomi kita. Kita tidak boleh membenarkan ekonomi kita bergerak terlalu laju. Pertumbuhan ekonomi kita telah bergerak lebih daripada sembilan peratus atau sepuluh peratus berturut-turut pada waktu itu. Ia memang satu maraton, ekonomi berkembang terlalu pesat dalam tempoh yang singkat dan jika kita benarkan ia berlaku, ekonomi kita akan lumpuh di pertengahan jalan, tetapi itulah yang telah berlaku kepada kita.

Ekonomi kita perlu berkembang secara perlahan-lahan dalam aliran melonjak. Kemelesetan ekonomi pada 1987 dan krisis pasaran modal dan mata wang pada 1998 merupakan suatu pengalaman yang cukup berharga dan adalah satu tindakan yang positif untuk kita meneliti apakah kesilapan kita pada waktu itu dan mencari jalan memperbaikinya selain belajar daripada kesilapan lalu.

Kini kita lebih bersedia untuk menghadapi sebarang krisis baru. Kita tidak tahu sama ada krisis yang akan berlaku sama seperti krisis sebelum ini? Sama ada krisis itu akan berlaku di rantau ini atau tidak? Itu pun kita tidak pasti.

Apakah-cabaran negara untuk menjadi pemain global?

PROF. MOHAMED ARIFF: Selain cabaran-cabaran daripada dalam, kita juga akan berdepan dengan persaingan sengit di peringkat global. Cabaran ini berbeza dengan apa yang pernah kita hadapi pada sekitar 1970-an, 1980-an dan malahan 1990-an. Pada masa itu, China masih 'tidur', manakala India seperti 'memencilkan diri' dari dunia luar dan banyak negara Eropah Timur yang berada di bawah pengaruh bekas Kesatuan Soviet pula tidak menonjol langsung dari segi ekonomi. Sekarang semua negara ini sedang bersaing dengan kita. Malah pada ketika ini, kita menghadapi terlalu banyak persaingan dari negara-negara yang serius membina ekonomi mereka. Malah, beberapa negara Asia, Eropah Timur dan Amerika Selatan kini sudah ada yang menjadi pemain global. Sebab itu kita perlu melengkapkan diri supaya kita bersedia untuk menghadapi persaingan dan terus berada di atas. Untuk bersaing, kita perlu meningkatkan produktiviti sedia ada, mengurangkan kos, selain memastikan kualiti produk yang dihasilkan adalah tinggi.

Adakah Malaysia telah mengambil langkah yang sesuai bagi menghadapi cabaran-cabaran itu?

PROF. MOHAMED ARIFF: Saya fikir Malaysia telah mengambil langkah awal yang betul. Kita telah bergerak ke hadapan ketika banyak negara lain semakin perlahan bergerak. Kita juga mempunyai track record ekonomi yang baik. Berbanding negara-negara lain selepas krisis, ekonomi kita telah kembali pulih dan

Rakyat akan merasai nikmat daripada pertumbuhan ekonomi negara setelah rantai ekonomi meresap ke dalam pasaran. Proses itu mengambil masa sedikit kerana negara masih belum pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi serantau

— Mohamed Ariff Abdul Kareem

mampu mencatat pertumbuhan antara lima hingga enam peratus, sedangkan jumlah itu masih di bawah prestasi sebenar kemampuan yang kita boleh capai. Sekali gus ini menunjukkan masih banyak ruang yang kita boleh isi untuk lebih berjaya.

Boleh Prof. jelaskan lebih lanjut kenyataan itu?

PROF. MOHAMED ARIFF: Pada ketika ini, kita masih kekurangan permintaan, maksudnya bidang ekonomi kita masih lagi dipengaruhi faktor penggunaan sepenuhnya. Ini disebabkan ekonomi domestik belum pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi yang melanda negara sebelum ini dan ia tidak berada pada tahap dinamik yang sepatutnya. Kita mengimport lebih banyak daripada kita mengesport dan keadaan ini juga merupakan antara penyumbang kepada berlakunya krisis. Keadaan ini juga menyebabkan berlakunya bajet defisit yang kita alami sejak lapan atau sembilan tahun. Bagaimanapun, ia semakin mengecil dari semasa ke semasa. Malaysia juga merupakan satu-satunya negara yang berdepan dengan krisis ekonomi, tetapi masih mengalami bajet defisit yang besar. Tahun lepas sahaja Malaysia mengalami bajet defisit sebanyak 3.5 peratus dan tahun ini kita akan cuba mengurangkannya kepada 3.4 peratus.

Adakah sektor domestik kita belum benar-benar pulih?

PROF. MOHAMED ARIFF: Sekarang ini kita mempunyai jumlah perdagangan yang besar dan pada masa yang sama, sektor domestik belum berada di tahap sewajarnya. Itu sebabnya kita masih berada di bawah prestasi sebenar. Jadi apabila kerajaan mengambil beberapa pendekatan proaktif, ia telah membantu sektor ekonomi mencapai potensi lebih baik. Bagi iklim (ekonomi) masa sekarang memperlihatkan keadaan yang menggalakkan. Asas ekonomi kita berada di landasan yang betul tetapi hanya disebabkan bajet yang kurang baik, ia mempengaruhi kedudukan kita pada peringkat antarabangsa. Bagaimanapun dengan polisi-polisi berkesan yang diperkenalkan oleh kerajaan, saya tidak fikir kita patut bimbang dengan masalah ini.

Kalau begitu apa yang Prof. dapat tafsirkan situasi sebenar ekonomi kita sekarang?

PROF. MOHAMED ARIFF: Secara umumnya ekonomi kita bergerak secara sederhana sejak tahun lepas. Sebenarnya bukan sahaja negara kita tetapi juga negara lain di dunia. Saya berpendapat rakyat dan kerajaan harus memberi tumpuan pada tahun depan (2008). Itulah masa ekonomi negara kita dijangka melambung.

Apakah usaha kerajaan untuk menerokai pasaran di peringkat global?

PROF. MOHAMED ARIFF: Memang tidak boleh

dinafikan, pengusaha Malaysia harus bergerak ke peringkat global, kerana pasaran negara kita sangat kecil melibatkan kira-kira 27 juta penduduk. Walaupun Malaysia tidak boleh melihat pasaran tempatan yang kecil sebagai suatu kelemahan, sebaliknya perlu berusaha untuk menggalakkan permintaan dalaman di samping berusaha menembusi pasaran luar dan bersaing dengan gergasi ekonomi baru seperti China dan India.

Sejauh mana faktor AS dan mata wang dolar mempengaruhi ekonomi kita dan dunia?

PROF. MOHAMED ARIFF: Selain kejatuhan eksport, AS juga mengalami masalah besar termasuk menghadapi kelembapan ekonomi. Bagaimanapun, setakat ini tiada keadaan yang buruk berlaku sehingga menjejaskan ekonomi negara kuasa besar dunia itu. Jika AS bermasalah (ekonomi) ia bukan sahaja akan menjejaskan negara tersebut tetapi juga memberi kesan kepada negara-negara lain, termasuk Malaysia.

Terdapat pihak yang meragui perangkaan yang dikeluarkan kerajaan. Jadi apakah jumlah perdagangan melebihi RM1 trilion dan pengukuhan ringgit bukan satu realiti ekonomi?

PROF. MOHAMED ARIFF: Angka-angka itu semuanya adalah benar, ia bukan palsu, sebaliknya ia adalah realiti tentang pertumbuhan sebenar ekonomi negara. MIER berpendapat bahawa ekonomi negara akan berkembang lebih maju kerana terdapat beberapa petunjuk kuat menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing (FDI) telah kembali ke negara ini. Sebagai contoh, ramai pelabur tempatan yang sebelum ini melabur di China kini kembali melabur di negara ini, manakala pelabur asing yang bertapak di China mahu melupakan pelaburan mereka di republik itu dan membuat FDI di Malaysia.

Begitu juga dengan pengukuhan nilai ringgit. Ia satu petunjuk ekonomi yang baik untuk negara ini, tetapi nilainya tidaklah boleh meningkat mencapai kadar asal sebanyak RM2.50 berbanding AS\$1 kerana kadar itu sendiri sudah terlebih nilai. Pengukuhan ringgit juga perlu berlaku secara perlahan-lahan, walaupun kita harapkan ringgit mencapai tahap RM3 berbanding AS\$1, tetapi ia bukan pada tahun ini, sebaliknya tahun depan.

Jika semua petunjuk dan angka-angka ini benar dan adalah satu realiti, mengapa rakyat masih tidak merasai nikmatnya?

PROF. MOHAMED ARIFF: Rakyat akan merasai nikmat daripada pertumbuhan ekonomi negara setelah rantai ekonomi meresap ke dalam pasaran. Proses itu mengambil masa sedikit kerana negara masih belum pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi serantau.